

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SAU 409 - Seminar Hubungan Etnik dan Ras

Masa : [2 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SATU muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Pilih dan jawab TIGA soalan sahaja.

1. Nyatakan jenis-jenis kelompok manusia yang wujud di dalam masyarakat serta ciri-ciri yang lazimnya terdapat pada sesebuah kelompok itu.  
(100 Markah)
2. Huraikan peranan yang dimainkan oleh persepsi dalam mempengaruhi corak hubungan antara manusia, khususnya manusia berlainan etnik dan ras.  
(100 Markah)
3. Sikap merupakan satu konsep yang tidak mudah diukur dan difahami. Apakah mitos-mitos yang lazim dikemukakan tentang sikap sesuatu kelompok etnik dan apakah realiti yang lebih tepat bagi setiap mitos itu?  
(100 Markah)
4. Penghijrahan mengubah bentuk hubungan antara kelompok etnik. Apakah implikasi penghijrahan masuk ke atas sesebuah masyarakat setempat serta kesan penghijrahan ini ke atas penghijrah itu sendiri?  
(100 Markah)
5. Ciri-ciri kontak antara manusia berlainan etnik boleh mempengaruhi corak hubungan antara mereka. Apakah ciri-ciri kontak yang penting serta senaraikan faktor-faktor psikologi dan persekitaran yang menghalang kontak antara manusia.  
(100 Markah)
6. Konflik antara kelompok etnik tidak semestinya menghasilkan kesan-kesan yang negatif. Nyatakan kesan-kesan yang positif dan negatif yang timbul bila konflik berlaku dalam masyarakat.  
(100 Markah)
7. Konflik antara kelompok-kelompok manusia berkembang mengikut peringkat-peringkat perkembangan tertentu. Nyata dan huraikan peringkat-peringkat serta langkah-langkah yang wajar diambil pada setiap peringkat perkembangan?  
(100 Markah)